

Meneruskan legasi Tun Razak

UM- 10/6/2007.

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

SEMPENA ulang tahun kemerdekaan negara ke-50, Akademi Pemuda akan mengadakan satu seminar pada 15 dan 16 Jun ini di Pusat Konvensyen Sime Darby, Bukit Kiara, Kuala Lumpur bagi melihat semula pencapaian Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kedua.

Lebih penting lagi, seminar Legasi Tun Abdul Razak Kepada Pembangunan Negara itu dianjurkan untuk mengkaji secara mendalam legasi atau peninggalan beliau, bukan sahaja melihat kepada apa yang berlaku tetapi ke hadapan – bagaimana keputusan, dasar dan kepimpinan beliau masih lagi mencorakkan sistem politik negara.

Mungkin ramai yang tertanya-tanya kenapa Tun Razak? Kenapa tidak legasi Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj?

“Kita telah pilih Tun Razak kerana dalam kita menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-50 mungkin ada banyak fokus diberikan kepada Almarhum Tunku selaku bapa kemerdekaan.

“Dan memang fokus itu penting. Tetapi mungkin disebabkan itu, tidak banyak diperkatakan tentang peranan Tun Razak mengisi kemerdekaan,” kata Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin kepada *Mingguan Malaysia*.

Beliau yang juga Pengerusi Akademi Pemuda tidak menafikan kemerdekaan negara dicapai di bawah kepimpinan Almarhum Tunku tetapi pengisiannya yang banyak dinikmati rakyat hari ini sama ada sistem politik atau ekonomi, sebenarnya berlaku pada zaman Tun Razak.

Selain Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang menjadi prasasti penting legasi Tun Razak, Khairy turut menarik perhatian kepada pembentukan Rukun Negara yang menjadi pendekatan nasional dan Penyata Razak yang menobatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, semuanya bermula pada zaman Tun Razak.

“Sebab itu saya rasa amat penting bagi kita melihat semula keputusan beliau dan juga pemikiran serta dasar-dasar beliau yang masih lagi relevan sehingga hari ini. Pada saya, pada masa inilah zaman kegemilangan kepimpinan kita kerana dalam krisis yang cukup rumit muncul pemimpin yang cukup cemerlang,” katanya.

Beliau merujuk kepada konfrontasi dengan Indonesia dan peristiwa 13 Mei 1969 sehingga meletakkan Tun Razak sebagai Pengerusi Majlis Gerakan Negara (Mageran) pada masa itu.

Justeru apakah pentingnya mengadakan seminar ini. Adakah kerana golongan muda sekarang sudah terlalu jauh daripada pemimpin terbilang ini? Atau generasi kini tidak lagi mengenali Tun Razak?

Dalam hal ini, Khairy cepat menyangkal tanggapan itu. Baginya golongan muda masih kenal Tun Razak sebagai bapa pembangunan negara.

Sayangnya, mereka tidak cukup cinta untuk mengagumi dan menghargai legasi Tun Razak, apatah lagi mempercayai dan meyakini sistem yang diwariskan oleh beliau.

Mungkin sebab itu kalangan generasi muda hari ini merasakan perlu ada perubahan pada sistem politik negara. Tidak perlu lagi sistem perkongsian kuasa yang



TUN RAZAK



KHAIRY JAMALUDDIN

dianggap sudah lapuk. Malah sudah ada yang lantang menolak DEB – kononnya sistem yang sudah ketinggalan dan tidak perlu diteruskan lagi pada zaman globalisasi ini.

Di sinilah, kata Khairy, Pemuda terpanggil menganjurkan Seminar Legasi Tun Abdul Razak ini kerana pergerakan itu percaya ada asas kukuh kenapa sistem politik dan ekonomi negara diasaskan sedemikian rupa. Dan DEB yang dicetuskan penggubalan dasarnya oleh Tun Razak mempunyai sebabnya tersendiri dan perlu dikekalkan dan dipertahankan.

Merombak

“Sebab itu kita pilih Tun Razak. Ini kerana saya rasa hari ini banyak sangat usaha untuk merombak semula sistem yang kita warisi – tak nak kepada DEB, hendak kepada kesamarataan, sedangkan saya rasa (desakan sebegitu) boleh membawa keburukan kepada negara kita.

“Jadi rakyat perlu memahami kenapa Tun Razak buat ini dan bahawa sistem tersebut, legasi tersebut masih lagi relevan untuk Malaysia,” katanya.

Bukan kerana Perdana Menteri lain kurang penting tetapi kerana zaman Tun Razak ialah titik tolak bermulanya sistem politik negara yang diteruskan sehingga hari ini.

Dan sebenarnya legasi inilah yang menjadi asas kekuatan parti UMNO dan BN, begitu juga negara Malaysia.

Memandangkan cetusan untuk mengetepikan dasar-dasar yang menjadi legasi Tun Razak termasuk DEB bukan sahaja datang dari luar bahkan dalam BN sendiri, seminar tersebut menyasarkan penyertaan bersilang merentasi semua sektor.

(Mereka yang berminat boleh mendaftar melalui laman web www.ptr.com.my).

Sebab itu saya rasa amat penting bagi kita melihat semula keputusan beliau dan juga pemikiran serta dasar-dasar beliau yang masih lagi relevan sehingga hari ini. Pada saya, pada masa inilah zaman kegemilangan kepimpinan kita kerana dalam krisis yang cukup rumit muncul pemimpin yang cukup cemerlang

– Khairy Jamaluddin

Bukan sahaja pemimpin Pemuda UMNO, tetapi sektor swasta, ahli akademik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemimpin pelajar, politikus yang juga melibatkan wakil parti-parti komponen BN turut dijemput menyertainya.

“Ini kerana kita hendak meyakinkan kepada mereka bahawa inilah sistem (perkongsian kuasa di bawah BN) yang terbaik,” katanya.

Antara penceramah jemputan termasuk bekas Speaker Dewan Negara, Tan Sri Micheal Chen dan bekas Ketua Setiausaha Kementerian Perancangan Am, Tan Sri G.K. Rama Iyer yang mempunyai pengalaman berkawan dan bekerja dengan Tun Razak.

Kedua-duanya akan dapat menjelaskan perspektif perkongsian kuasa BN seterusnya menunjukkan walaupun dasar ekonomi dan pembangunan Tun Razak dikatakan pro-Melayu tetapi sebenarnya adalah properpaduan negara.

“Ini kerana kalau tidak ada DEB maka negara kita pada hari ini akan lebih tegang keadaan di antara kaumnya. Jadi (fakta) ini mesti difahami oleh bukan sahaja golongan muda tetapi juga golongan tua dalam BN,” katanya.

Penerbitan buku peristiwa 13 Mei dengan fakta sejarah yang berbeza di ambang sambutan 50 tahun kemerdekaan negara, antaranya menuduh pemimpin UMNO termasuk Tun Razak sendiri sebagai pencetus tragedi berdarah itu – memberi tanggungjawab kepada seminar ini untuk menjelaskan keadaan yang sebenarnya.

“Usaha mengungkit peristiwa dengan fakta-fakta yang tidak berasas mahupun menulis semula sejarah dengan bersandarkan pandangan wakil kedutaan negara asing merupakan tindakan terdesak pihak tertentu untuk mencemarkan sejarah dan rekod pemimpin negara.

“UMNOlah parti yang menuntut kemerdekaan dan menentang Malayan Union. Begitu juga UMNOlah parti yang bersama-sama BN mewujudkan DEB dan mem-

bawa negara ini antara yang termaju di rantau Asia Tenggara,” ujarnya.

Selain ucapan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang sudah pasti akan memberi jurus pandangan tersendiri bukan setakat sebagai anak sulung Allahyarham Tun Razak, satu sesi khas yang menampilkan Tun Musa Hitam dan Tengku Razaleigh Hamzah juga diadakan.

Sesi itu dijangka menarik perhatian terutama golongan muda untuk mengetahui perspektif orang muda pada zaman Tun Razak terhadap legasi Perdana Menteri kedua itu.

Menurut Khairy, kebanyakan ahli Pemuda memang sudah ada kesedaran tentang pentingnya menghargai legasi Tun Razak. Maka sebab itu Perhimpunan Agung Pemuda UMNO dua tahun lepas telah mengutarakan dalam usul ekonomi supaya dihidupkan kembali semangat DEB dan dasar lain.

Gerakan ini sebenarnya jelas beliau, datang daripada kesedaran Pemuda bahawa perjuangan DEB yang dimulakan oleh Tun Razak masih lagi belum selesai dan perlu ada penyelesaian sebelum tahun 2020.

Bangsa

“Kita tak nak suatu hari nanti negara ini menjadi maju tetapi bangsa Melayu tidak maju. Dan saya rasa legasi Tun Razak tidak dapat dipenuhi jika pada tahun 2020 kita menjadi negara yang maju tetapi kaum Melayu masih di takuk lama.

“Tun Razak kalau masih lagi hidup memang kecewa jika pada tahun 2020, dalam negara yang amat beliau cintai ini bangsa Melayu tidak dimajukan,” tegasnya.

Penganjuran seminar ini bagi beliau, tepat pada masanya kerana perjuangan Perdana Menteri sekarang, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah sebenarnya kesinambungan kepada kepimpinan Tun Razak.

“Beliau (Abdullah) seorang pengganti ‘natural successor’ kepada legasi Tun Razak sebagai seorang yang ada pengalaman berada di bawah Tun Razak semasa dalam Mageran – zaman krisis perkauman dan sebagainya.

“Pak Lah banyak belajar daripada Tun Razak dan legasi ini memang diteruskan oleh beliau melalui pembangunan luar bandar, memperkasa pendidikan untuk anak bangsa, pembangunan sektor pertanian dan saksama bukan sahaja di bandar besar bahkan desa,” ujarnya.

Beliau yakin gandingan Abdullah dan Najib yang merupakan anak Tun Razak sendiri, memang menghayati dan membawa legasi tersebut untuk diteruskan kesinambungannya.

“Dan memang ada banyak similariti atau persamaan antara perjuangan kepimpinan hari ini dengan Tun Razak,” katanya.

Mengambil roh orang muda pada zaman Tun Razak yang cukup tebal dengan semangat perjuangan selain mempunyai jati diri, Seminar Legasi Tun Abdul Razak ini tidak akan berakhir di Kuala Lumpur.

Ia akan disusuli dengan program politik di Pekan, Pahang dan penerbitan buku yang menekankan tentang perjuangan Tun Razak dan betapa pentingnya generasi hari ini meneruskan legasi beliau.